

BAB 3

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini pengkaji mengemukakan kaedah pelaksanaan kajian. Aspek-aspek yang dibincangkan meliputi reka bentuk kajian, instrumen kajian, lokasi kajian dan persampelan kajian. Menurut Othman (2001) dalam Hamidah (2007) menyatakan metodologi sebagai suatu prosedur yang sistematik dalam menggabungkan pendekatan kajian serta analisis data bagi memastikan prestasi penyelidikan dapat dicapai dengan sempurna.


3.1 Reka Bentuk Penyelidikan

Secara umumnya kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan penguasaan pelajar dalam menggunakan penanda wacana bahasa Arab dalam menulis karangan. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan termasuk dalam kajian yang diklasifikasikan oleh Mohd Majid Konting (1998) dalam Hamidah (2007) merupakan salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif. Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi.

Kajian ini juga menggunakan pendekatan kualitatif berdasarkan set ujian karangan iaitu karangan naratif, deskriptif dan eksposisi. Kaedah soal selidik pula

dijalankan bagi tujuan mengenalpasti aspek minat dan keberkesanan pelajar terhadap penggunaan penanda wacana secara tepat dalam mencipta sesebuah karangan yang baik dan telus. Berikut merupakan gambarajah bagi reka bentuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji :

Gambarajah 3.1: Instrumen Kajian Penyelidikan



Reka bentuk ujian ini dipilih bertujuan untuk :

- 1) Menilai penguasaan pelajar terhadap penggunaan penanda wacana dalam kemahiran menulis karangan bahasa Arab di kalangan pelajar tingkatan enam dalam subjek Karangan di SMAT Kuala Kubu Bharu, Selangor.
- 2) Mengenalpasti aspek ketepatan dan kesesuaian serta analisis kekerapan penggunaan penanda wacana dalam kemahiran mengarang di kalangan pelajar berdasarkan kepada empat kategori penanda wacana tertentu, iaitu bagi maksud “Tambahan” (*Additive*), maksud “Berlawanan” (*Adversative*), maksud “Sebab Musabab” (*Causal*) dan maksud “Masa/Ketika” (*Temporal*).
- 3) Mengenalpasti korelasi dan signifikan antara penguasaan pelajar terhadap penanda wacana dalam penggabungan ayat karangan dengan pencapaian markah ujian karangan.

Sebelum penyelidikan ini dijalankan, kelulusan dan kebenaran diperolehi daripada Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Hulu Selangor. Penyelidikan ini tidak berhasil dengan lancar tanpa bantuan dan kerjasama dari Pengetua Sekolah, Guru Penyelaras Tingkatan Enam STAM, Guru Bahasa Arab, para guru yang terlibat serta kakitangan pentadbiran sekolah yang berkenaan. Para pelajar yang merupakan responden kajian bakal menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dan secara langsung akan melanjutkan pengajian tertinggi di IPTA atau IPTS sama ada di dalam atau di luar Negara.

Secara keseluruhannya, perbincangan adalah berkisar tentang metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan kajian ini dijalankan. Antara perkara yang disentuh ialah pendekatan kajian kuantitatif berbentuk deskriptif yang digunapakai oleh pengkaji, serta pengkaedahan kajian merangkumi kajian kes, instrumen ujian pemahaman dan penulisan karangan serta soalan kaji selidik berbentuk tertutup dan terbuka kepada responden kajian dari kalangan pelajar tingkatan Enam (STAM).

3.2 Kaedah Kuantitatif

Kaedah kuantitatif digunakan oleh pengkaji berikutan daripada instrumen-instrumen yang dijalankan iaitu set soal selidik berbentuk terbuka dan tertutup. Berdasarkan kaedah ini, pengkaji menggunakan item-item tertentu berikutan daripada set ujian soal selidik yang diedarkan kepada responden dan set ujian karangan dari kalangan pelajar. Item-item yang terkandung adalah seperti berikut :

- i. Sebab-sebab yang menjadi dorongan pelajar mempelajari bahasa Arab.
- ii. Peruntukan masa pelajar dalam mengulangkaji pelajaran bahasa Arab beserta sebab.
- iii. Bahan rujukan atau sebarang buku yang digunakan khusus dalam subjek karangan.
- iv. Kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana dalam menulis karangan.
- v. *Tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan penanda wacana bahasa Arab. (Soalan Likert).

Menerusi kaedah kuantitatif ini, pengkaji menggunakan item-item soalan selidik tertutup yang berkaitan maklumat peribadi responden, maklumat keluarga dan

persekitaran di sekolah atau di luar sekolah. Selain itu, instrumen ujian menulis karangan berbentuk naratif, eksposisi dan deskriptif digunakan oleh pengkaji dalam melihat pengkaedahan ini. Penganalisan item-item bagi instrumen soal selidik menggunakan SPSS 17 dan bagi menganalisis dapatan-dapatan menerusi instrumen ujian penulisan karangan, pengkaji akan menggunakan kaedah manual. Manakala, soalan likert dalam aspek (*Tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan penanda wacana bahasa Arab) sahaja digunakan dalam analisis statistik inferensi (Korelasi Pearson dan Signifikan).

3.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan set ujian penulisan karangan (naratif, deskriptif, eksposisi) dan set borang soal selidik. Kajian ini dijalankan berdasarkan satu set ujian menulis karangan berbentuk naratif, deskriptif dan eksposisi akan diedarkan kepada 50 orang pelajar secara rawak. Setiap karangan yang diedarkan, tajuk dan topik akan disediakan oleh pengkaji. Segala data dan maklumat yang diperolehi akan dianalisis secara terperinci. Kajian ini tidak bertujuan untuk digeneralisasikan kepada kumpulan pelajar yang lain. Kaedah kedua pula merupakan soal selidik terbuka dan tertutup.

3.3.1 Bentuk Ujian

Instrumen yang digunakan dalam kajian penyelidikan ini bagi pengumpulan segala data dan maklumat yang diperlukan berdasarkan kepada ujian menulis karangan seperti berikut:

Ujian Menulis Karangan

Menerusi **kaedah set ujian menulis karangan**, tujuannya untuk mengenalpasti akan terdapatnya korelasi positif dan signifikan antara penguasaan penanda wacana ini dalam gabungan ayat-ayat karangan pelajar secara berkualiti dan relevan keseluruhannya berdasarkan kepada empat kategori penanda wacana tertentu, iaitu bagi maksud “Tambahan” (*Additive*), maksud “Sebaliknya” (*Adversative*), maksud “Sebab Musabab” (*Causal*) dan maksud “Masa/Ketika” (*Temporal*). Secara langsung, mengenalpasti fungsi kohesi dan koheren dalam keberkesanan penulisan karangan pelajar berdasarkan penggunaan penanda wacana secara keseluruhannya.

Pelajar-pelajar dikehendaki menulis tiga buah karangan berbeza iaitu jenis naratif, deskriptif dan eksposisi. Ujian yang dijalankan harus mengikut soalan dan arahan yang telah ditetapkan. Masa yang diperuntukkan ialah 30 minit bagi setiap soalan karangan dan tidak kurang daripada 100 patah perkataan.

Aspek-aspek lain seperti kemahiran struktur dan uslub (*gaya*), perbendaharaan kata, pemilihan isi, penyusunan idea dan ayat dilihat secara menyeluruh untuk menilai karangan secara berkualiti. Penilaian ini diambilkira bertujuan untuk melihat korelasi di antara mutu karangan pelajar dengan keupayaan dan penguasaan mereka dalam menggunakan penanda-penanda wacana atau alat kata penghubung bahasa Arab secara berkesan dan sesuai mengikut konteks ayat dan idea karangan. Maka, 3 jenis ujian yang dijalankan dalam kajian ini adalah seperti berikut :

A. Ujian mengarang 1

Ujian ini merupakan penulisan karangan berbentuk naratif. Pelajar-pelajar dikehendaki menulis sepucuk surat tidak rasmi kepada seorang rakan mereka untuk

bertanyakan khabar dan memberitahunya yang anda sudah tamat menduduki peperiksaan dan memperolehi kejayaan. Pada masa yang sama anda semakin mahir dalam bertutur bahasa Arab. Cerita ini ditulis mengikut soalan dan isi-isi yang diberi dalam soalan tersebut (Lihat Lampiran 2 : Bahagian 1)

B. Ujian mengarang 2

Ujian ini merupakan karangan berbentuk deskriptif. Berpandukan 5 gambar diberi, maka pelajar-pelajar dikehendaki menulis sebuah karangan bertajuk **“Peristiwa bencana banjir yang berlaku di Jitra Kedah pada tahun lepas ”** (Lihat Lampiran 2 : Bahagian 2).

C. Ujian mengarang 3

Ujian ini merupakan karangan berbentuk eksposisi yang bertajuk **“Isu penculikan kanak-kanak”** merupakan karangan terakhir dalam ujian menulis karangan ini. Penulisan karangan ini juga berpandukan kepada arahan-arahan dan susunan isi seperti yang disertakan dalam soalan (Lihat Lampiran 2 : Bahagian 3).

3.3.2 Bentuk Soal Selidik

Kajian ini akan menggunakan satu set soal selidik berbentuk tertutup dan terbuka sebagai salah satu instrumen kajian. Kaedah soal selidik ini dijalankan bagi tujuan mengenalpasti aspek minat, keberkesanan dan tahap penguasaan pelajar terhadap penggunaan penanda wacana secara tepat dalam mencipta sesebuah karangan yang baik dan telus. Maka instrumen ini akan membuat rumusan terhadap kemampuan pelajar dalam penggunaan penanda wacana tersebut.

i. Prosedur menjalankan soalan selidik

Borang soal selidik ini berbentuk tertutup dan terbuka dan disediakan dalam lima bahagian (Bahagian A, B, C, D dan E) yang berkaitan maklumat Latar Belakang Peribadi, Latar Belakang Keluarga, Maklumat di Sekolah atau Persekitaran Luar, Sikap dan Motivasi Pelajar dan Tahap Penguasaan Penanda Wacana bahasa Arab. Borang soal selidik ini mempunyai 18 soalan.

Pelajar dikehendaki menjawab semua soalan dengan teliti. Pelajar juga dikehendaki mengisi nama dan angka giliran di muka depan borang soal selidik tersebut untuk memudahkan pengkaji menganalisis butiran maklumat tersebut. Setiap jawapan yang mempunyai nama adalah sulit dan nama pelajar tidak akan didedahkan semasa soal selidik ini digunakan sebagai lampiran dalam analisis tersebut.

ii. Perincian maklumat dalam setiap bahagian

BAHAGIAN A : Maklumat Responden

Bahagian ini mengandungi 5 item soalan yang dikemukakan oleh pengkaji iaitu umur, jantina, asal, keputusan peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) dan Keputusan Subjek Bahasa Arab Tinggi (Percubaan SPM).

BAHAGIAN B : Maklumat Keluarga

Bahagian ini mengandungi 3 item soalan yang meminta responden memberi maklumat tentang pekerjaan penjaga (bapa dan ibu), bahasa yang dituturkan di rumah berdasarkan kekerapannya dan adakah terdapatnya ahli keluarga yang mempelajari bahasa Arab.

BAHAGIAN C : Maklumat di Sekolah/Persekitaran Luar

Bahagian ini mengandungi 2 item soalan yang meminta responden memberi maklumat tentang bahasa pengantar yang digunakan pada masa persekolahan, senarai bahasa yang digunakan di luar sekolah berdasarkan kekerapannya.

BAHAGIAN D : Sikap dan Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Arab

Bahagian ini mengandungi 4 item soalan yang meminta responden memberi maklumat berkaitan faktor dorongan pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, peruntukkan masa pelajar untuk mengulangkaji pelajaran bahasa Arab, sumber buku bacaan penulisan karangan bahasa Arab, kekerapan dan kecenderungan pelajar dalam menggunakan penanda wacana bahasa Arab.

BAHAGIAN E : Tahap Penguasaan Penanda Wacana Bahasa Arab

Bahagian ini mengandungi 3 item soalan yang meminta responden memberi maklumat berkaitan tahap penguasaan bahasa, tahap penguasaan struktur ayat dan tahap kemahiran dan pengetahuan struktur wacana ayat.

Skala likert digunakan untuk menunjukkan perkara-perkara berikut :

A) Tahap penguasaan bahasa pelajar :

1. Lemah
2. Sederhana
3. Baik
4. Sangat Baik

B) Tahap penguasaan struktur ayat dan tahap pengetahuan serta kemahiran struktur ayat, frasa dan pemilihan perkataan yang tepat :

1. Sangat Susah
2. Susah
3. Sederhana
4. Senang

C) Tahap kefahaman pelajar dalam menguasai kata hubung bahasa Arab, penanda wacana bahasa Arab dan fungsi kohesi :

1. Sangat Susah
2. Sederhana Susah
3. Susah
4. Senang

Berikut merupakan penjadualan isi-isi kandungan dalam soalan selidik sepertimana yang berikut :

Jadual 3.1 Jadual Kandungan Soal Selidik

BAHAGIAN	KONSTRUK DIUKUR	BIL. ITEM	NO. ITEM
BAHAGIAN A	Latar Belakang Peribadi Pelajar	5	1 – 5

BAHAGIAN B	Latar Belakang Keluarga	3	6 – 8
BAHAGIAN C	Maklumat di Sekolah / Persekitaran Luar	2	9 – 10
BAHAGIAN D	Sikap dan motivasi pelajar dalam mempelajari bahasa Arab	4	11 – 14
BAHAGIAN E	*Tahap Penguasaan Penanda Wacana	3	15 – 17

*Soalan Likert (3 Item).

3.4 Lokasi Kajian

Kajian ini akan dijalankan di sebuah sekolah aliran agama iaitu daripada Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu, di kawasan Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan atau ringkasannya (SAMT KKB). Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Bharu ini merupakan sebuah sekolah yang hanya mempunyai pelajar yang beragama Islam. Pelajar-pelajarnya terdiri daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 6. Sekolah ini mempunyai 3 blok bangunan. Terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan. Sekolah ini juga merupakan sekolah berasrama separuh. Terdapat pelajar yang boleh memilih untuk tinggal di rumah atau di asrama. Sekolah ini merupakan sebuah sekolah agama menengah yang terletak di Jalan Pahang.

3.5 Populasi Kajian

Bagi mencapai matlamat kajian tinjauan, menurut Ary et. al (2002) dalam Hamidah (2007) mencadangkan agar pengkaji menjalankan kajian ke atas populasi sasaran. Memandangkan kajian ini bertujuan melihat perkaitan antara pemboleh ubah yang dikaji, maka populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar Tingkatan Enam.

3.6 Sampel Kajian

Responden kajian terdiri daripada semua pelajar Tingkatan Enam Sekolah Menengah Agama Tinggi Kuala Kubu Bharu, Daerah Hulu Selangor, Selangor Darul Ehsan yang akan menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Agama Menengah (STAM) yang mana terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini. Mereka terdiri daripada 78 orang pelajar Tingkatan Enam dari dua buah kelas. Di sekolah ini, hanya terdiri daripada pelajar-pelajar berbangsa Melayu dan beragama Islam yang mempunyai pelajar perempuan lebih ramai berbanding pelajar lelaki.

Berdasarkan 78 orang pelajar yang diselidiki, sejumlah **50** orang pelajar lelaki dan perempuan Tingkatan Enam dari kedua-dua kelas dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Pemilihan sampel dijalankan berpandukan buku pendaftaran kedatangan pelajar tersebut. Tujuan pemilihan secara rawak ini dijalankan berdasarkan tahap terbaik di kalangan 50 responden semasa menjalani ujian penyelidikan dan dikenalpasti lingkungan responden yang dipilih memenuhi syarat pengkaji ketika menjawab soalan kaji selidik. Soalan selidik yang berbaki didapati rosak kerana responden tidak memenuhi syarat kehendak soalan dan membuat kesilapan dalam jawapan mereka.

Sehubungan itu, berdasarkan keputusan pencapaian mata pelajaran (Karangan) di tahap Sijil Menengah Agama (SMA) Tingkatan Empat dan keputusan subjek Bahasa Arab Tinggi Malaysia di tahap Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tingkatan Lima adalah selaras dan tidak mempunyai perbezaan ketara dari sudut peratusan dan pangkat secara keseluruhannya, maka pengkaji meletakkan semua responden dalam kumpulan yang sama, iaitu yang mewakili kumpulan kebolehan bahasa tinggi. Hal ini kerana, kelayakan menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) hanya diterima sekiranya pelajar kredit atau lulus dalam penilaian Sijil Menengah Agama (SMA) yang lalu.

Disamping itu, pemilihan sampel terdiri daripada kedua-dua kelas sekolah ini, kerana pelajar-pelajarnya terdiri daripada semua pelajar berbangsa Melayu dan beragama Islam secara keseluruhannya. Pelajar-pelajar ini mempunyai budaya dan alam persekitaran sekolah yang sama, walaupun terdapat perbezaan dari sudut latar belakang seperti status sosio-ekonomi keluarga yang berbeza.

3.7 Pemarkahan

Pemarkahan dijalankan ke atas instrumen pengujian iaitu ujian menulis karangan. Instrumen ini diberi pemarkahan secara manual oleh pengkaji dan pensyarah dalam bidang bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya dengan cara yang tertentu, ianya adalah seperti berikut :

Ujian Menulis Karangan

Sebelum pemarkahan dijalankan ke atas instrumen ini, pengkaji telah melantik dua orang pensyarah Jabatan Bahasa Arab di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya sebagai pemeriksa khas yang ditugaskan untuk memeriksa dan menanda ujian-

ujian karangan pelajar secara adil. Perkara ini penting untuk mendapatkan kesesahan maklumat dan data yang diperolehi.

Pemeriksaan karangan-karangan ini dilakukan berpandukan skim pemarkahan Abdul Aziz Abdul Talib dan skema Stahl (1974: 192-193). Skala pemarkahan Stahl ini merujuk kepada kategori penggunaan penanda wacana bahasa Arab dan struktur ayat dalam penulisan. Oleh itu, berdasarkan panduan skim ini, karangan-karangan yang dijawab oleh pelajar-pelajar telah dikumpulkan dan dimarkatkan seperti berikut :

Jadual 3.2 : Skim pemarkahan

Skala Markah	Butiran Pemarkahan
5	1) Kelancaran ayat-ayat karangan : <ul style="list-style-type: none"> i. Karangan mengandungi sebilangan contoh-contoh kelancaran perkaitan di antara satu ayat dengan ayat-ayat seterusnya. ii. Karangan ini juga tidak terdapat sebarang gangguan kelancaran bacaannya yang disebabkan oleh kecacatan atau kesalahan perkaitan di antara ayat-ayat.
4	2) Ayat kompleks : <ul style="list-style-type: none"> i. Karangan ini dibina dalam ayat-ayat kompleks atau ayat berkait (<i>Compounds Sentences</i>) dan terdapat perkaitan yang logik melalui penggunaan penanda-penanda seperti : وَلِذَلِكَ

وَبِالنَّالِي
وَحُلَاصَةَ الْقَوْلِ
وَعَيْرُ مِنْ ذَلِكَ

Nota :

1-Dalam kategori ini tidak kesemua ayat-ayat dalam karangan terdiri daripada ayat-ayat kompleks sahaja.

2-Karangan yang digolongkan dalam kategori sekurang-kurangnya mengandungi dua ayat kompleks, dengan satu daripadanya tepat pembinaannya.

3-Kemungkinan juga, karangan dalam kumpulan ini tidak terdapat ayat yang kompleks, tetapi masih mengandungi perhubungan ayat-ayat yang baik dan lancar.

3

3) Ayat Mudah :

i. Karangan ini hanya mengandungi ayat-ayat mudah atau ayat-ayat berkait (*Compounds Sentences*) yang menggunakan kata sendi atau kata hubung seperti dan, atau, begitu, lalu dan sebagainya.

Nota :

1-Sekiranya karangan ini terdapat pemisahan di antara perkataan dan frasa, serta terdapat sekurang-kurangnya dua ayat mudah, ia dapat digunakan dalam kategori ini.

2

4) Ayat Tidak Lengkap (Tidak Sempurna) :

	-Karangan ini dipenuhi dengan ayat- ayat tidak lengkap atau ayat tergantung.
1	<p>5) Perkataan atau Frasa :</p> <p>-Keseluruhan karangan ini ditulis menggunakan perkataan atau frasa - frasa yang terpisah-pisah atau tiada kelancaran.</p> <p>Nota :</p> <p>i-Sekali sekala terdapat juga penggunaan kata sendi atau kata hubung seperti dan, atau dan lain-lain.</p>

Skala Pemarkahan saranan Abdul Aziz (1989, 384-386) digunakan untuk pemeriksaan untuk pemeriksaan karangan secara global. Skim ini menggunakan skala 5 markat seperti berikut:

Jadual 3.3 : Skala Pemarkahan saranan Abdul Aziz (1989, 384-386)

Skala Pengukuran	Penilaian	Sifat-sifat utama karangan
5	Cemerlang	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan menepati tajuk. - Bahasa yang baik, lancar dan berkesan. - Tiada atau hampir kesalahan bahasa. - Struktur ayat dan perbendaharaan kata yang luas.

		<ul style="list-style-type: none"> - Isinya baik dan tersusun secara sistematis dan jelas. - Perenggan, ejaan dan tanda bacaan digunakan dengan betul. - Keseluruhan persembahan karangan adalah berkesan.
4	Baik	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan berkaitan dengan tajuk. - Terdapat kesilapan-kesilapan kecil tatabahasa. - Struktur ayat dan perbendaharaan kata agak terhad dan mudah. - Isinya hanya mencukupi dan pengolahannya agak sederhana. - Terdapat sedikit kesilapan ejaan.
3	Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> - Karangan masih berkaitan dengan tajuk. - Terdapat kesilapan-kesilapan kecil tatabahasa. - Struktur ayat dan perbendaharaan kata agak terhad dan mudah. - Isinya hanya mencukupi dan pengolahannya agak sederhana sahaja. - Terdapat sedikit kesilapan ejaan.
2	Lemah	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang pemahaman mengenai tajuk karangan. - Terdapat kelemahan-kelemahan bahasa seperti tatabahasa dan perbendaharaan kata. - Isi kurang mencukupi. - Lemah dalam pengolahan dan penyusunannya juga lemah.
1	Sangat Lemah	<ul style="list-style-type: none"> - Kurang pemahaman mengenai tajuk atau terpesong langsung. - Penguasaan sangat lemah. - Kesalahan bahasa yang teruk. - Isinya tidak mencukupi. - Sangat lemah dalam pengolahan dan penyusunan ayat. - Keseluruhan karangan tidak menarik dan susah hendak ditatapi dan difahami.

3.8 Penganalisan Data dan Perbincangan

Data-data yang diperolehi berdasarkan kaedah pengujian akan dianalisis dan dihurai secara manual oleh pengkaji. Manakala, dapatan yang diperolehi melalui instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian SPSS 17. Data-data yang diperolehi akan dibincangkan secara terperinci menerusi kaedah penjadualan dan graf dalam bab analisis dapatan. Instrumen-instrumen yang memerlukan penganalisan data ialah :

1. Analisis soalan kaji selidik pelajar.
2. Analisis soalan pengujian penulisan karangan.

3.8.1 Kaedah Deskriptif

Menurut Sidek Mohd Noah (2002) reka bentuk kajian deskriptif selalunya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi atau bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Bagi latar belakang responden seperti jantina, keputusan peperiksaan SMA dan subjek Bahasa Arab Tinggi (SPM), pekerjaan ibu bapa dan tempat tinggal. Untuk menentukan tahap ketepatan dan kesesuaian pelajar dalam penggunaan penanda wacana bahasa Arab dan juga kemampuan mereka dalam menulis karangan akan dinilai berdasarkan set ujian karangan yang dijalankan.

Bagi tujuan interpretasi skala likert yang digunakan untuk melihat tahap penguasaan bahasa pelajar, tahap penguasaan dan tahap kemahiran dan pengetahuan dalam bahagian-bahagian tertentu bagi item bahagian E. Pengkategorian dilakukan berdasarkan skala yang digunakan oleh Mohd Jasmy et al (2006) seperti dalam jadual di bawah:

Jadual 3.4 : Tahap Penguasaan Penanda Wacana bahasa Arab dalam Penggabungan Ayat Karangan.

Julat min	Kriteria
1.00 hingga 1.66	Rendah
1.67 hingga 3.32	Sederhana
3.33 hingga 5.00	Tinggi

*Sumber: Mohd Jasmy et al (2006)

3.8.2 Korelasi Pearson

Menurut Sidek Mohd Noah (2002) tujuan kajian korelasi ialah untuk menilai setakat mana variasi dalam satu faktor seimbang dengan variasi-variasi dalam satu atau lebih faktor lain berasaskan pekali korelasi. Korelasi pearson digunakan untuk menguji tahap penggunaan penanda wacana dalam penggabungan ayat pelajar dan keberkesanannya dalam penulisan mereka. Keteguhan terdapatnya korelasi yang positif dan signifikan antara penguasaan penanda-penanda ini dalam gabungan ayat dengan kualiti karangan pelajar-pelajar, dengan melihat pembolehubah tersebut dalam menggunakan indeks keteguhan yang dikenali sebagai petunjuk sejauhmana kekuatan sesuatu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain.

Nilai 'r' ini mempunyai sela antara +1.00 dan -1.00. Oleh kerana korelasi sempurna jarang berlaku dalam penyelidikan, pekali korelasi dilaporkan dalam dua titik perpuluhan. Contohnya $r = .65$ dan $r = .23$ di mana nilai sifar tidak perlu dilaporkan (Chua, 2006). Dalam kajian ini, pengkaji memilih skala korelasi yang digunakan oleh

Jackson (2006). Anggaran kekuatan hubungan antara pembolehubah ditunjukkan dalam skala seperti jadual 3.5 berikut :

Jadual 3.5 : Interpretasi Anggaran Kekuatan Hubungan antara Pembolehubah

SKALA PEKALI KORELASI	KEKUATAN HUBUNGAN
+ .70 hingga 1.00 atau - .70 hingga -1.00	Kuat
+ .30 hingga .69 atau - .30 hingga - .69	Sederhana
+ .00 hingga .29 atau - .00 hingga - .29	Tiada hubungan (.00) hingga lemah

*Sumber : Jackson (2006).

3.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji. Ianya merangkumi reka bentuk kajian, instrumen kajian, lokasi kajian, sampel kajian, tatacara mengumpul data dan penganalisan data. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif di mana penyelidikan dilakukan menggunakan reka bentuk tinjauan. Ringkasan kaedah statistik deskriptif dan inferensi adalah seperti berikut :

Jadual 3.6 : Kaedah Statistik Penganalisan Data

Aspek Kajian	Kaedah Statistik
Taburan Latar Belakang Responden dan keluarga	Frekuensi dan Peratusan

Taburan maklumat sekolah dan persekitaran luar	Frekuensi dan Peratusan
Sikap dan motivasi pelajar	Frekuensi dan Peratusan
Pengujian Korelasi (Statistik Inferensi)	
Terdapat hubungan antara tahap penguasaan penanda wacana bahasa Arab dengan tahap pencapaian markah ujian karangan.	Korelasi Pearson